

# Bot laju ganti feri Pulau Pinang Januari ini

**Georgetown:** Perkhidmatan feri yang digunakan bagi menghubungkan tanah besar di Seberang Perai dengan bahagian pulau negeri ini sejak 126 tahun lalu akan diganti dengan bot penumpang laju, bermula 1 Januari tahun depan.

Feri sedia ada pula hanya akan diguna sebagai pengangkutan kepada pengguna basikal dan motosikal bermula tarikh berkenaan.

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng, berkata penambahbaikan itu akan dilaksanakan secara interim bermula 1 Januari tahun depan hingga 30 Jun 2022 sebelum perkhidmatan katamaran atau teksi air diperkenalkan selepas itu.

Katanya, dua bot laju yang akan digunakan itu mampu membawa 200 penumpang dengan kepantasan perjalanan antara 10 hingga 15 minit serta kekerapan sebanyak 40 kali sehari.

“Sepanjang tempoh itu, kedua-dua terminal di Pangkalan Raja Tun Uda, Georgetown dan Sultan Abdul Halim di Butterworth akan diubahsuai dan dinaikkan taraf dengan terminal di Georgetown dipindahkan sementara ke Swettenham Pier Cruise



**Pengangkutan feri di Pulau Pinang akan berakhir tahun ini dan digantikan dengan perkhidmatan katamaran.** (Foto Danial Saad /BH)

**Dua bot laju yang akan digunakan itu mampu membawa 200 penumpang.**

**Tan Teik Cheng,**  
Pengerusi Suruhanjaya  
Pelabuhan Pulau Pinang

Terminal (SPCT).

“Ia dilakukan bagi menyediakan perkhidmatan feri yang lebih cekap dan penyelesaian terminal malah kita memberi jaminan bahawa tambang juga akan dikekalkan sepanjang tempoh perkhidmatan interim ini,” katanya pada sidang media di Hotel Royale Chulan, Pengkalan Weld, semalam.

Yang hadir sama pada sidang media berkenaan ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Penang Port Sdn Bhd, V Sasedharan dan Pengurus Besar SPPP, Monaliza Suhaimi.

Dalam perkembangan lanjut Teik Cheng berkata, perkhidmatan bot laju itu akan digantikan dengan feri baharu iaitu katamaran atau teksi air dan pengangkut

kenderaan selepas tempoh interim bermula 1 Julai 2022 atau mungkin lebih awal.

Katanya, sebanyak tiga katamaran akan disediakan dengan kemampuan membawa sehingga 200 penumpang dengan kepantasan antara 10 hingga ke 15 minit dengan kekerapan 40 kali sehari dengan pengendalian di bawah Penang Port Sdn Bhd (PPSB).

Pengangkut kenderaan yang akan diperkenalkan pula hanya boleh digunakan pengguna basikal dan pembonceng motosikal dengan pengecualian kepada kenderaan empat roda bagi situasi kecemasan sahaja.

“Penggantian kepada bot jenis katamaran ini juga mengambil kira penjimatan dilakukan memandangkan bot jenis ini mudah diselenggara.

“Berbanding feri sedia ada ketika ini, kos membaiki sebuah feri mencecah sehingga RM2.2 juta dan kita juga sukar mendapatkan alat ganti kerana perlu diimport dari Jerman dan Sweden,” katanya.

“Keadaan menjadi lebih sukar bagi kita menyelenggara feri sedia ada tahun ini apabila kita turut berdepan dengan perintah kawalan pergerakan (PKP),” katanya.